

Implikasi Perkembangan Pembangunan Bandar Terhadap Sosioekonomi Dan Kesejahteraan Penduduk Di Bandar Tanah Merah, Kelantan

Implications of Urban Development on Socio-Economic and Well-Being of Residents in Bandar Tanah Merah, Kelantan

Norshahirah Md Gazali
¹Mohd Azlan Abdullah

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

e-mail koresponden: ¹alit@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pembangunan bandar yang belaku di Bandar Tanah Merah, Kelantan iaitu daripada sebuah pekan yang kecil kepada sebuah bandar yang membangun boleh memberi pelbagai implikasi yang positif kepada penduduk. Namun, kesan daripada pembangunan itu juga turut memberi kesan kepada sosioekonomi dan kesejahteraan hidup penduduk. Justeru, kertas kajian ini bertujuan untuk membincangkan faktor perkembangan pembangunan yang berlaku di Bandar Tanah Merah dan kesan terhadap pembangunan tersebut serta tahap kesejahteraan penduduk di Bandar Tanah Merah. 100 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Packages for Social Sciences). Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju bahawa pembangunan yang dijalankan memberi implikasi yang positif terhadap sosioekonomi mereka seperti peningkatan pendapatan, perkembangan peluang pekerjaan dan peningkatan kemudahan. Kajian ini mendapati terdapat kesan negatif dan positif kepada penduduk setempat. Mereka juga bersetuju bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan bandar di Tanah Merah adalah peningkatan penduduk, sistem pengangkutan, kewujudan sektor pekerjaan, peningkatan kemudahan dan peranan kerajaan. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kesejahteraan penduduk berada pada tahap yang tinggi. Penemuan ini dapat membantu agensi-agensi berkaitan dalam merancang dan menambah baik pembangunan yang bakal dijalankan dan sedia ada pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Pembangunan, bandar, sosioekonomi, kesejahteraan, Bandar Tanah Merah*

ABSTRACT

The urban development, from a small town to a developing city has conducted in a positive impact to the community in Bandar Tanah Merah, Kelantan. However, development can affect the socio economic and community's well-being. Thus, this research paper aims to discuss the factors and impact of development and level of community's well-being in Bandar Tanah

Merah. By using questionnaires, one hundred respondents were involved as the subject of the research. The data obtained were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS). The results of the study showed that most respondents agreed that the development had positive impact on their socio economic such as increased income, development of employment opportunities, and facilities developments. This study found that negative and positive effects on the local community. They also agreed that the factors influencing development in Bandar Tanah Merah were population growth, transportation system, the existence of the employment sector, facilities developments, and the role of government. The research also showed that the level of the community's well-being was high. These findings can help relevant agencies to planning and improving the development that will be conducted and existing in the future.

Keywords: *Development, urban, socio-economy, well-being, Bandar Tanah Merah*

1. Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi yang kian kukuh dan jaringan sosial yang kian bertambah merupakan salah satu faktor berlakunya proses pembangunan bandar kerana semakin meningkat migrasi dari luar bandar berhijrah ke bandar. Pembangunan yang berlaku di dunia mampu memberi impak yang positif mahupun negatif. Impak positif dan negatif tersebut boleh merujuk kepada manusia, kesihatan, persekitaran, ekosistem dan sebagainya. Secara positif, telah diketahui bahawa proses pembangunan bandar mampu memberi impak terhadap keperluan manusia seperti pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Pembangunan yang berlaku akan merubah landskap sesebuah kawasan yang merangkumi politik, ekonomi, sosial dan infrastruktur. Bandar mampu mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap bagi menghubungkan bandar dan luar bandar, melahirkan golongan pemikir yang lebih mudah menerima perubahan dan terlibat dengan kepimpinan, keusahawanan dan perniagaan, tenaga mahir dan sebagainya bagi mentadbir sesebuah negara ke arah yang lebih baik (Aili Hanim, 2016).

Pembangunan pesat pemandaran di bandar-bandar dalam era moden semasa abad ke 21 ini menjadi semakin pesat terutamanya bagi kebanyakan negara-negara sedang membangun. Ini kerana perbandaran dianggap penting kepada sesebuah negara kerana ianya sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping dapat meningkatkan taraf hidup penduduk. Sumbangan dan peranan bandar-bandar ini kepada pembangunan ekonomi dan sosioekonomi untuk kawasan sekitarnya semakin menarik perhatian masyarakat untuk membicarakannya. Kewujudan sesebuah bandar di Malaysia adalah berkait rapat dengan faktor persekitaran yang mendominasi kepada aktiviti penduduk setempat seperti pertanian, perniagaan, perlombongan dan lain-lain.

Sejak merdeka, Malaysia melalui proses perubahan yang telah membangun bagi memajukan negara dan masyarakat. Pelbagai strategi dan pelan pembangunan dijalankan dan diusahakan telah digarapkan dengan teori pembangunan yang berkembang dan semasa. Pun begitu, apa yang diperhatikan ialah pada asasnya pembangunan bandar-bandar ini berkait rapat juga dengan isu pembangunan kawasan dan wilayah, kesejahteraan masyarakat bandar dalam negeri dan negara.

Pembangunan bandar yang kian pesat berlaku di negara ini telah menarik perhatian masyarakat untuk berhijrah ke bandar dari desa masing-masing. Ini berikutan di bandar mampu untuk memenuhi harapan dan keperluan mereka

keseluruhan disamping untuk memelihara keperluan anak-anak dan keluarga mereka untuk kesenimbangan generasi yang lebih baik dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik. Selain itu, tidak dinafikan bahawa di bandar juga menyediakan banyak peluang seperti pekerjaan dan perniagaan dengan ekonomi yang baik serta masa hadapan yang lebih banyak pilihan kepada manusia. Oleh sebab itu, masyarakat sanggup berhijrah ke bandar demi memenuhi semua keperluan tersebut. Justeru, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengesan impak terhadap sosioekonomi dan kesejahteraan penduduk yang terhasil daripada pembangunan bandar di Tanah Merah.

2. Sorotan Literatur

Pembangunan pembandaran sememangnya memberi impak terhadap penduduk sama ada impak positif dan negatif. Pembangunan boleh mendatangkan impak terhadap sosioekonomi dan kesejahteraan penduduk di sesebuah kawasan. Secara umumnya, aspek positif dapat dilihat dari segi peningkatan kemudahan bandar yang membolehkan taraf hidup meningkat dan pilihan penduduk dalam aktiviti ekonomi dan pekerjaan. Manakala aspek negatif dapat dilihat daripada aspek sosial, alam sekitar dan kemasyarakatan.

2.1 Impak Pembangunan Bandar

Pembangunan bandar di sesebuah kawasan bukan sahaja akan memberi impak kepada penduduk dan sosioekonomi setempat. Nurasyikin Miskam (t.th) menyatakan bahawa transformasi pembangunan yang berlaku dengan begitu pantas bukan sahaja telah merubah pelan pembangunan negara, malah persekitaran sosioekonomi negara juga turut terkesan.

Selain itu, pembangunan bandar akan menimbulkan impak seperti masalah jenayah disebabkan wujud persaingan disebabkan peluang pekerjaan yang terhad akan menyebabkan segelintir masyarakat di bandar akan menganggur kerana kelayakan akademik dan kemahiran yang dimiliki. Peningkatan pekerja warga asing sekaligus menimbulkan persaingan yang semakin tinggi dengan penduduk tempatan. Ahmad Nazmi (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa kemasukan pekerja asing ke dalam negara ini memberi impak yang negatif seperti masalah jenayah.

Pembangunan bandar di sesebuah kawasan akan memberi kesan kepada sosioekonomi dan budaya setempat. Hal ini dapat menimbulkan pelbagai masalah kepada pembangunan yang dilakukan dan penduduk tempatan. Samruhaizad, Jamaluddin Md Jahi & Azahan Awang (2014) dalam kajiannya menyatakan pembangunan yang tidak terancang memberi ancaman terhadap kualiti hidup penduduk pinggir bandar meskipun limpahan pembangunan bandar menjanjikan perubahan kualiti hidup yang lebih baik.

2.2 Kesejahteraan

Kesejahteraan juga merupakan suatu yang subjektif kerana boleh dinilai dengan melihat kepuasan, kebahagiaan, kenikmatan dan keseronokan yang dirasakan oleh individu. Hal ini kerana, kesejahteraan ini merupakan gambaran kualiti kehidupan seseorang. Oleh itu, kesejahteraan dalam masyarakat memberi fokus kepada usaha-usaha untuk memenuhi keperluan masyarakat serta peningkatkan mobiliti sosial itu sendiri.

Kesejahteraan merupakan perkara yang sering kali dibincangkan oleh para pengkaji dan cendekiawan sejak akhir-akhir ini. Kesejahteraan merujuk kepada keadaan hidup seseorang individu sama ada sejahtera atau sebaliknya. Kajian Atchley (2004) menyatakan kesejahteraan adalah perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira yang mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan. Costanza et al. (2007) dalam kajiannya berpendapat kesejahteraan adalah tindak balas individu atau kumpulan terhadap kegembiraan, kebajikan dan kepuasan hidup.

Selain itu, Bretones dan Gonzales (2011) berpendapat kesejahteraan sebagai satu konsep yang mampu untuk menjelaskan pelbagai bentuk kesejahteraan melalui pekerjaan, perkahwinan ataupun kebendaan. Manakala, Norizan (2003) menyatakan kesejahteraan hidup boleh dibahagikan kepada dua iaitu kualiti hidup secara objektif dan kualiti hidup secara subjektif misalnya pendapatan, perumahan, pendidikan dan kesihatan. Di dalam satu kajian lain, kesejahteraan penting dalam meningkatkan produktiviti dan mobiliti sosial serta mengukuhkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional (Nur Najmin & Azlina Abdullah, 2021).

3. Metodologi Kajian

3.1 Kawasan Kajian

Kajian disertasi ini dijalankan di Bandar Tanah Merah, Kelantan. Tanah Merah merupakan satu daripada 10 jajahan pentadbiran negeri Kelantan. Nama Bandar Tanah Merah di ambil bersempena tanah yang berwarna merah yang terdapat di bandar Tanah Merah pada suatu ketika dahulu. Menurut sejarah, nama Tanah Merah ini di namakan oleh penduduk Kusial Baru. Tanah yang di maksudkan ialah sejenis Tanah Laterit yang memanjang di tepi tebing sungai Kelantan yang terletak di kampung To'Cho Bor dalam jajahan Machang bertentangan dengan kampung Kusial Baru. Penduduk Kusial Baru yang menamakan orang menetap di sini, orang Tanah Merah. Penduduk dari Kampung To' Cho Bor dan Kampung Kusial Bharu telah membuka satu perkampungan dekat Bukit Remah dan tanah di sini kelihatan kemerah-merahan Bandar Tanah Merah mula berkembang apabila perahu-perahu yang lalu di sepanjang Sungai Kelantan singgah untuk berdagang di Pekan Bukit Remah. Pekan tersebut terletak di tebing Sungai Kelantan. Lama kelamaan tumpuan orang ramai mula beralih ke suatu kawasan yang letaknya 3 km ke utara yang sekarang ini merupakan bandar Tanah Merah. Kini Tanah Merah sudah menjadi bandar yang di penuh kepadatan penduduk yang ramai. Bandar berkenaan menjadi lebih berkembang dengan wujudnya laluan keretapi dan jambatan keretapi Guillemard dibuka pada tahun 1924 seterusnya stesen keretapi.

Bandar ini berkeluasan 80 hektar yang mempunyai lebih 60,000 orang penduduk. Pada umumnya, majoriti penduduk di Bandar Tanah Merah terlibat dalam sektor sekunder dan tertier. Walau bagaimanapun, masih ada lagi penduduk di kawasan kajian ini yang terlibat dalam kegiatan ekonomi sektor primer seperti pertanian dan penternakan. Peningkatan penduduk yang terlibat dalam sektor sekunder dan tertier berpunca daripada perkembangan sektor perniagaan, perdagangan dan perkhidmatan di bandar itu

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan gabungan jenis data daripada data primer dan data sekunder. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik dan pemerhatian. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif adalah kerana pengkaji mencari jawapan yang tepat dan jelas bagi menjawab persoalan kajian ini. Pengkaji telah memilih sejumlah 100 orang penduduk sekitar Bandar Tanah Merah yang terdiri daripada penduduk di bandar Tanah Merah, Padang Siam, Manal, Kelewek, Bukit Gading, Kg. Bechah Pelting dan Kg. Jelatok. Responden dipilih secara rawak yang mewakili pelbagai lapisan penduduk. Soal selidik merupakan salah satu cara yang mudah dan tepat untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada responden. Kaedah soal selidik menggunakan senarai semak yang berbentuk skala iaitu skala likert yang ditetapkan.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk mengumpul maklumat di lapangan. Kaedah pemerhatian ini merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain daripada soal selidik dan temubual. Melalui kaedah ini, pengkaji berpeluang memungut data dengan memerhati fenomena yang sedang berlaku di depan mata. Pemerhatian juga dilakukan ke atas responden dan aktiviti pembangunan semasa dan lepas yang berlaku di Bandar Tanah Merah.


3.3 Analisis Data

Di peringkat penganalisis data, pengkaji akan mengumpul semua data daripada maklumat dan dapatan yang diperolehi daripada borang soal selidik. Terdapat beberapa kaedah seperti menggunakan bantuan perisian komputer atau strategi yang dikemukakan untuk pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi tujuan analisis data. Penyemakan dibuat ke atas setiap helaian soalan bagi memastikan semua soalan di jawab oleh responden mengikut arahan yang ditetapkan. Data-data ini kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya.


4. Dapatan dan Perbincangan

Kebanyakan responden yang diberi soal selidik hanya melibatkan responden yang tinggal sekitar 5 km radius sahaja daripada Pusat Bandar Tanah Merah. Responden yang terlibat terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa, status diri dan taraf pendidikan. Antarakawasan tersebut ialah bandar Tanah Merah, Padang Siam, Manal, Kelewek, Bukit Gading, Kg. Bechah Pelting dan Kg. Jelatok. Bilangan keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 100 orang responden.

Rajah 1 menunjukkan taburan pendapatan isi rumah responden di dalam kajian yang dijalankan seramai 100 orang responden. Secara keseluruhan, responden yang berpendapatan isirumah yang tertinggi (71%) dengan pendapatan sebanyak RM1000 hingga RM3000. Bagi pendapatan RM10001 dan ke bawah mencatat peratusannya iaitu (7%). Manakala untuk pendapatan RM3001 hingga RM5000 (13%) dan (9%) responden yang mempunyai pendapatan isi rumah RM5001 dan ke atas.




RAJAH 1. Taburan pendapatan isi rumah



RAJAH 2. Peratusan responden mengikut kawasan tempat kediaman

Rajah 2 menunjukkan kawasan pengkaji mengedarkan borang soal selidik di sekitar Bandar Tanah Merah. Kawasan tersebut ialah Bandar Tanah Merah, Padang Siam, Kg. Jelatok, Kg. Bechah Pelting, Manal, Kelewek dan Bukit Gading. Keseluruhan responden yang terlibat dalam soal selidik adalah seramai 100 orang. Bilangan responden di Bandar Tanah Merah adalah sebanyak (30%), Padang Siam (17%), Kg. Jelatok (10%), Kg. Bachah Pelting (6%), Manal (23%), Kelewek (8%) dan Bukit Gading 6 peratus.





RAJAH 3. Peratus kemudahan asas dalam rumah responden

Kemudahan asas di rumah merupakan satu keperluan yang mempengaruhi kesejahteraan hidup. Keadaan ini membuktikan perkembangan pembangunan dapat meningkatkan keperluan asas penduduk. Tanpa pemilikan kemudahan asas di rumah, seseorang akan merasakan kehidupan yang tidak sempurna. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, didapati majoriti responden mempunyai kemudahan asas yang lengkap di rumah iaitu bekalan elektrik, bilik dantelefon masing-masing mencatatkan sebanyak (100%). Manakala bekalan air, televisyen dan tandas dengan peratusan (94%), (98%) dan (97%). Capaian internet menunjukkan peratusan bilangan responden yang paling sedikit iaitu dengan (92%). Masalah capaian internet ini berlaku khususnya di kawasan kampung sekitar Bandar Tanah Merah seperti Jelatok, Kelewekdan Kampung Bechah Pelting. (Rajah 3).

JADUAL 1. Faktor pembangunan di Bandar Tanah Merah

Faktor	Ya	Tidak	Tidak Pasti
Saya mendapati peningkatan penduduk mempengaruhi pembangunan di Bandar Tanah Merah.	91	8	1
Saya mendapati bahawa sektor perniagaan, perkhidmatan dan industri mempengaruhi pembangunan di Bandar Tanah Merah.	95	-	5
Saya akui sistem pengangkutan seperti jalan raya dan keretapi boleh meningkatkan pembangunan di Bandar Tanah Merah.	88	9	3
Saya bersetuju bahawa peningkatan pembangunan di Bandar Tanah Merah kerana menjadi pusat tumpuan penduduk mendapatkan kemudahan asas.	92	-	8
Saya mendapati kerajaan antara pemangkin kepada pembangunan di Bandar Tanah Merah.	93	-	7

Perkembangan bandar yang berlaku akan didorong dengan faktor-faktor tertentu. Berdasarkan dapatan kajian (Jadual 1) mendapati majoriti responden bersetuju bahawa faktor yang dinyatakan mendorong pembangunan di Bandar Tanah Merah. Hasil kajian mendapati (91%) responden sangat bersetuju bahawa faktor pembangunan adalah disebabkan peningkatan penduduk di bandar. Selain itu, (95%) responden bersetuju sektor perniagaan, perkhidmatan dan industri merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya pembangunan bandar. Manakala, sistem pengangkutan (88%) responden bersetuju bahawa ia merupakan faktor tercetusnya pembangunan. Seterusnya, (92%) bersetuju bahawa Bandar Tanah Merah yang merupakan pusat tumpuan untuk penduduk mendapatkan kemudahan asas merupakan faktor kepada peningkatan pembangunan dan (93%) juga setuju bahawa faktor kerajaan antarapemangkin kepada pembangunan di Bandar Tanah Merah.

JADUAL 2. Impak pembangunan terhadap sosioekonomi responden

Impak pembangunan	ST	S	TP	TS	STS
Pembangunan di Bandar Tanah Merah telah meningkatkan taraf hidup saya.	75	21	4	-	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah telah membuka peluang untuk saya menjana pendapatan.	40	57	3	-	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah membuka peluang pekerjaan kepada saya.	22	73	3	2	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah memudahkan saya mendapatkan kemudahan pendidikan.	33	67	-	-	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah dapat menjamin kualiti kesihatan saya.	22	78	-	-	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah memudahkan urusan seharian saya.	40	66	4	1	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah menyediakan barangan keperluan saya.	36	54	10	-	-
Pembangunan di Bandar Tanah Merah mewujudkan suasana yang tidak selesa kepada saya.	-	23	17	53	7
Pembangunan di Bandar Tanah Merah mengakibatkan kesesakan lalu lintas.	-	43	-	51	6

Nota: ST=sangat setuju S=setuju TP=tidak pasti TS=tidak setuju STS=sangat tidak setuju

Selain itu, pembangunan yang dijalankan memberi kesan yang positif dan negatif terhadap sosioekonomi penduduk di Bandar Tanah Merah. Hasil soal selidik menunjukkan rata-rata responden bersetuju bahawa pembangunan yang dijalankan memberi impak yang positif seperti peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan peningkatan taraf hidup. Daripada dapatan kajian, (75%) responden sangat bersetuju bahawa pembangunan dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Manakala (57%) setuju pembangunan telah membuka peluang untuk menjana pendapatan dan peluang pekerjaan (73%) responden setuju di mana impak ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Dari sudut sosial, (67%) responden setuju pembangunan yang dijalankan memberi kemudahan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan (78%) setuju dapat menjamin kualiti kesihatan. Hal ini disebabkan wujudnya klinik-klinik swasta yang dapat memberi rawatan kepada penduduk yang memerlukan serta pembangunan hospital yang lebih besar dan menggunakan teknologi terkini. Selain itu, (66%) setuju pembangunan di bandar dapat memudahkan mereka dalam urusan seharian dan (54%) setuju pembangunan memudahkan mereka mendapatkan keperluan seharian. Hal ini kerana, peningkatan infrastruktur yang ada di Bandar Tanah Merah. Manakala, majoriti responden tidak bersetuju bahawa pembangunan memberi impak yang tidak selesa kepada kehidupan mereka iaitu sebanyak (53%) dan (51%) tidak bersetuju pembangunan yang dijalankan menyebabkan kesesakan lalu lintas. (Jadual 2)

JADUAL 3. Tahap kesejahteraan hidup responden

Tahap kesejahteraan hidup penduduk	ST	S	TP	TS	STS
Saya berpuas hati dengan peluang pekerjaan yang ada di Bandar Tanah Merah.	30	54	5	11	-
Saya berpuas hati dengan pendapatan saya sekarang.	15	52	7	23	3
Saya berpuas hati dengan taraf sekarang. hidup keluarga saya	18	46	3	33	-

Kemudahan kesihatan di Bandarmemuaskan.	Tanah Merah sangat	73	4	-	23	-
Kemudahan pendidikan yang dibangunkan dapat memberikan peluang pembelajaran yang baik.		45	50	-	5	-
Perkhidmatan keselamatan di Bandar Tanah Merah dapat menjamin keselamatan saya dan keluarga.		21	64	5	10	-
Saya terbeban dengan kos sara hidup di Bandar TanahMerah.		4	33	1	49	13
Pembangunan telah menjejaskan keselesaan kehidupan seharian saya.		-	-	-	94	4
Saya melalui kehidupan yang sejahtera di Bandar TanahMerah.		57	40	3	-	-

Nota: ST=sangat setuju S=setuju TP=tidak pasti TS=tidak setuju STS=sangat tidak setuju

Di samping, bagi mengenalpasti tahap kesejahteraan hidup penduduk di Bandar Tanah Merah, majoriti responden menunjukkan kepuasan hati dengan kualiti hidup mereka sejak pembangunan bandar giat dijalankan. Jadual 3 menunjukkan sebanyak (54%) responden sangat setuju bahawa mereka berpuas hati dengan peluang pekerjaan yang terdapat di bandar. Responden berpuas hati dengan pendapatan dengan menyatakan sebanyak (52%) kesetujuan mereka dan (46%) setuju mereka bahawa berpuas hati dengan taraf hidup mereka yang sekarang. Hal ini disebabkan peningkatan peluang pekerjaan disebabkan kewujudan kedai- kedai baru di pusat bandar tersebut. Seterusnya, (73%) responden ssangat bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan kemudahan kesihatan yang terdapat di Bandar Tanah Merah. Malah, (50%) responden bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan kemudahan pendidikan kerana banyak sekolah dan institut yang terdapat di seperti sekolah menengah, sekolah rendah, kolej vokasional dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Di samping itu, responden juga setuju sebanyak (64%) bahawa mereka berpuas hati dengan perkhidmatan keselamatan di Bandar Tanah Merah. Manakala, responden tidak setuju (49%) bahawa mereka terbeban dengan kos sara hidup di bandar serta (94%) mereka juga tidak setuju bahawa pembangunan yang dijalankan dapat menjejaskan keselesaan kehidupan seharian. Hal ini dapat dibuktikan dengan majoriti responden menunjukkan kesejahteraan kehidupan mereka di Bandar Tanah Merah dengan (57%) sangat bersetuju dan (40%) setuju bahawa mereka melalui kehidupan yang sejahtera.

5. Rumusan dan Cadangan

Daripada kajian yang dijalankan menunjukkan pembangunan di bandar memberi impak dan pengubah kepada sosioekonomi penduduk setempat. Hasil pembangunan yang dijalankan telah merubah sosioekonomi penduduk di Bandar Tanah Merah merangkumi pendapatan, taraf hidup, gaya hidup dan pekerjaan. Secara amnya, kajian ini telah mendapati terdapat kedua-dua impak iaitu impak positif dan negatif akibat perkembangan pembangunan di Bandar Tanah Merah. Peningkatan infrastruktur seperti jalan raya, kedai-kedai, kemudahan kesihatan dan lain-lain secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk. Hal ini dapat dilihat daripada tahap kesejahteraan penduduk dalam kajian ini. Namun, perancangan yang lebih efisien perlu dititikberatkan oleh pihak kerajaan dan perancang pembangunan bandar supaya pembangunannya dapat meminimumkan

impak-impak yang negatif terhadap penduduktempatan.

Rumusannya, kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan perancang bandar untuk pelan pembangunan yang seterusnya. Cadangan kepada pengkaji yang seterusnya adalah untuk memperbesarkan sampel kajian dan menggunakan kaedah kualitatif supaya maklumat yang diperolehi dengan lebih terperinci. Selain itu, diharapkan di masa hadapan lebih banyak kajian yang ada dan penulisan berkaitan dengan impak pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dilakukan.

Rujukan

- Ahmad Nazmi Nordin. (2017). Isu kemasukan buruh asing di Malaysia. Kertas Projek Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan).
- Nur Aili Hanim Hanafiah. (2016). Pengaruh Haba Bandar Terhadap Keselesaan Terma Dalam Bangunan Untuk Pekerja di Pulau Pinang. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Atchley RC. (2004). Social forces and aging: An introduction to social gerontology, 10th edition. *Thamson Learning*, United States.
- Bretones FD & Gonzales MJ. (2011). Subjective and occupational well-being in a sample of Mexican workers. *Sosial Indicator Research* 100, 273-285.
- Billson JM. (2005). The complexities and defining female well-being. In: Billson JM, FluehrLobban C. *Female well-being*. Zed Books Ltd. London.
- Norizan Abdul Ghani (2003). *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu Kajian Di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. PHD Tesis.
- Nurasyikin Miskam & Haryati Shafii. T.th. Transformasi Pembangunan Luar Bandar: Kesan Ke Atas Kesejahteraan Hidup Masyarakat. Kertas Projek Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Nur Najmin Naja binti Zamri¹ & Azlina Abdullah. (2021). Kesejahteraan Sosio-ekonomi Komuniti Nelayan di Endau, Mersing, Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7): 199-207.
- Samruhaizad Samian @ Samion, Jamaluddin Md Jahi & Azahan Awang. (2014). Isu Perbandaran dan Kualiti Hidup Penduduk Pinggir Bandar. *International Journal of the Malay and Civilisation (IMAN)*, 2(1): 63-75.